



SOALAN LAZIM (FAQ) PENGHARGAAN SUMBANGAN ASAS RAHMAH (SARA)

A. PENGENALAN

1. **S: Apakah Penghargaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA)?**

J: Ucapan Penghargaan kepada Rakyat oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Julai 2025 telah mengumumkan bahawa setiap warganegara dewasa berusia 18 tahun dan ke atas akan menerima RM100 yang boleh dibelanjakan mulai 31 Ogos 2025 hingga 31 Disember 2025 melalui MyKad di bawah program Sumbangan Asas Rahmah (SARA).

2. **S: Siapa yang layak menerima Penghargaan SARA?**

J: Kelayakan Penghargaan SARA adalah terhad kepada:

- i. Pemegang MyKad Warganegara Malaysia; dan
- ii. Individu berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun 2025

3. **S: Adakah saya perlu memohon Penghargaan SARA?**

J: Tidak. Kelayakan Penghargaan SARA adalah secara automatik berdasarkan data pemegang MyKad Warganegara Malaysia sehingga 31 Julai 2025 daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

4. **S: Seperti diumumkan YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Penghargaan Untuk Rakyat, SARA 2025 juga akan diterima oleh setiap warganegara dewasa berusia 18 tahun dan ke atas. Bila dan bagaimana kaedah pelaksanaannya?**

J: Penerima Penghargaan SARA akan menerima bantuan barangan keperluan asas **tanpa tunai (cashless) secara automatik melalui pengkreditan ke dalam MyKad penerima**. Barangan runcit asas daripada kategori produk yang diluluskan boleh dibeli di pasar raya / kedai runcit terpilih seluruh negara menggunakan MyKad.

Penghargaan SARA adalah secara **one-off sebanyak RM100 yang boleh dibelanjakan mulai 31 Ogos 2025 hingga 31 Disember 2025**.

Secara kolektif, sesebuah isi rumah berpeluang menerima jumlah kredit SARA yang lebih tinggi. Sebagai contoh, sebuah keluarga yang terdiri daripada sepasang suami isteri dan dua anak berumur 18 tahun dan ke atas akan menerima jumlah keseluruhan RM400 dan bukannya hanya RM100.

Bagi penerima SARA sedia ada STR, pengkreditan kelayakan Ogos 2025 SARA sedia ada ke dalam MyKad akan diterima pada awal Ogos 2025 manakala tambahan **one-off** sebanyak RM100 pula akan dikreditkan pada 31 Ogos 2025. Kelayakan sedia ada serta **one-off** Penghargaan SARA ini boleh dibelanjakan sehingga 31 Disember 2025.

5. **S :** Berapakah amaun kelayakan Penghargaan SARA yang akan diterima penerima yang layak?

J: Kelayakan amaun Penghargaan SARA adalah seperti berikut:

Kategori Penerima	Kadar Kelayakan
Pemegang MyKad Individu - warganegara dewasa berusia 18 tahun dan ke atas (lahir pada tahun 2007 dan sebelumnya)	Penyaluran <i>one-off</i> sebanyak RM100 pada 31 Ogos 2025 (belanja mulai 31 Ogos 2025 - 31 Disember 2025)

6. **S:** Bagaimanakah cara untuk saya semak kelayakan Penghargaan SARA?

J: Semakan kelayakan Penghargaan SARA boleh dibuat melalui kaedah berikut:

Kaedah Pemakluman	Keterangan
i. Semakan terus melalui portal rasmi	<u>Semakan kelayakan SARA</u> <ul style="list-style-type: none">Portal rasmi MyKasih https://www.mykasih.com.my (mulai 21 Ogos 2025)
ii. Hubungi	<u>Semakan pelaksanaan SARA</u> <ul style="list-style-type: none">Hubungi MyKasih: 03-7720 1800 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang)

7. **S:** Saya merupakan Warganegara Malaysia namun masih belum memiliki MyKad, adakah saya masih berpeluang menerima Penghargaan SARA?

J: Sekiranya anda memenuhi syarat kelayakan Penghargaan SARA namun tidak mempunyai MyKad, anda perlu hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi urusan pemilikan MyKad dan pembelian Penghargaan SARA boleh dibuat selewat-lewatnya pada 31 Disember 2025 selepas urusan pemilikan MyKad selesai.

B. KAEDAH PELAKSANAAN PENGHARGAAN SARA

8. **S:** Di manakah boleh saya rujuk kaedah untuk membeli barangan SARA menggunakan MyKad?

J: Anda boleh semak video tutorial yang disediakan di Youtube <https://www.youtube.com/watch?v=7hCBoYqfjmo>

9. **S:** Bilakah Penghargaan SARA akan disalurkan kepada penerima?

J: Penerima Penghargaan SARA akan menerima pengkreditan *one-off* sebanyak RM100 melalui MyKad pada **31 Ogos 2025** untuk membeli barangan keperluan asas terpilih. Tempoh sah laku Penghargaan SARA adalah mulai 31 Ogos 2025 hingga 31 Disember 2025.

10. S: Di manakah boleh saya membeli barangan keperluan asas di bawah program ini?

J: Penerima yang layak boleh membuat pembelian barangan asas terpilih di lebih 4,100 rakan niaga SARA di seluruh negara termasuk Mydin, Giant, Econsave, The Store, Pacific, Milimewa, 99 Speedmart, Lotus Stores (Tesco), serta pasar raya dan pasar mini bebas. Bilangan rakan niaga SARA bukan muktamad dan akan bertambah dari semasa ke semasa.

Senarai pasar raya dan kedai runcit terlibat boleh disemak melalui pautan berikut:
<https://app.mykasih.net/sara2/merchant-list>

11. S: Adakah saya boleh membuat pembelian di pasar raya dan kedai runcit luar daripada kawasan tempat tinggal saya?

J: Ya. (Rujuk jawapan soalan 10)

12. S: Apakah barangan keperluan asas yang boleh saya beli?

J: Penerima boleh membeli barangan keperluan asas daripada 14 kategori produk yang diluluskan iaitu **beras, roti, telur, minyak masak, tepung, biskut, mi segera, minuman, makanan dalam tin, bahan perasa, produk kebersihan diri, barangan kebersihan kelengkapan rumah, ubat-ubatan dan barangan persekolahan.**





Barangan keperluan asas yang terlibat dengan program SARA akan dilabel untuk rujukan penerima.



13. S: Bagaimanakah kaedah pembelian barangan keperluan?

J: Kaedah pembelian barangan keperluan adalah seperti berikut:

	<p>Pilih Barangan Keperluan</p> <ul style="list-style-type: none">• Penerima bantuan boleh membeli barangan keperluan berdasarkan 14 kategori produk yang mempunyai label MyKasih di rak tanda harga.
--	--

	<p>Tunjuk MyKad Untuk Pengesahan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Juruwang menyemak status MyKad penerima bantuan.
	<p>Imbas Kod Barangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Juruwang mengimbas setiap barangan keperluan asas yang ingin dibeli mengikut kategori yang dibenarkan.
	<p>Bayar Menggunakan MyKad</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penerima membuat bayaran menggunakan MyKad untuk mengesahkan transaksi pembelian.
	<p>Simpan Resit Untuk Semakan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penerima bantuan menyimpan resit untuk menyemak transaksi pembelian.

14. S: Bagaimanakah kaedah semakan baki Penghargaan SARA dalam akaun MyKad penerima?



J: Semakan baki kredit SARA dalam akaun MyKad penerima boleh disemak mulai 21 Ogos 2025 melalui kaedah berikut:

i. Semakan portal rasmi MyKasih:
<https://app.mykasih.net/sara2/checkstatus>

ii. Semakan aplikasi MyKasih



iii. Semakan resit pembelian:

	<p>Logo MADANI</p>										
	<p>Jata Negara</p>										
<table border="1"> <tr> <td>Opening Balance:</td> <td>RM 349.25</td> </tr> <tr> <td>Purchase Amount:</td> <td>RM 30.70</td> </tr> <tr> <td>Paid Bal. By Cash:</td> <td>RM 0.00</td> </tr> <tr> <td>Total Amount:</td> <td>RM 30.70</td> </tr> <tr> <td>Final Balance:</td> <td>RM 318.55</td> </tr> </table>	Opening Balance:	RM 349.25	Purchase Amount:	RM 30.70	Paid Bal. By Cash:	RM 0.00	Total Amount:	RM 30.70	Final Balance:	RM 318.55	<p>Baki semasa SARA dalam MyKad penerima</p>
Opening Balance:	RM 349.25										
Purchase Amount:	RM 30.70										
Paid Bal. By Cash:	RM 0.00										
Total Amount:	RM 30.70										
Final Balance:	RM 318.55										
<table border="1"> <tr> <td>Purchase Amount:</td> <td>RM 30.70</td> </tr> <tr> <td>Paid Bal. By Cash:</td> <td>RM 0.00</td> </tr> <tr> <td>Total Amount:</td> <td>RM 30.70</td> </tr> </table>	Purchase Amount:	RM 30.70	Paid Bal. By Cash:	RM 0.00	Total Amount:	RM 30.70	<p>Jumlah pembelian perlu dibayar</p>				
Purchase Amount:	RM 30.70										
Paid Bal. By Cash:	RM 0.00										
Total Amount:	RM 30.70										
<table border="1"> <tr> <td>Final Balance:</td> <td>RM 318.55</td> </tr> <tr> <td>Program End Date:</td> <td>31-Dec-2025</td> </tr> </table>	Final Balance:	RM 318.55	Program End Date:	31-Dec-2025	<p>Baki SARA dalam MyKad penerima selepas pembelian</p>						
Final Balance:	RM 318.55										
Program End Date:	31-Dec-2025										

15. S: Adakah saya perlu bayar lebih amaun sekiranya amaun pembelian melebihi baki semasa SARA dalam MyKad penerima?

J: Ya. Pembelian adalah terhad kepada barangan keperluan asas daripada 14 kategori produk yang diluluskan sahaja. Pembelian selain barangan tersebut dan pembelian melebihi baki semasa SARA dalam MyKad perlu dibayar oleh penerima.

16. S: Saya tidak menghabiskan baki kredit Penghargaan SARA pada bulan semasa, adakah baki kredit tersebut boleh dibawa ke bulan-bulan seterusnya?

J: Ya. Baki kredit Penghargaan SARA yang tidak habis digunakan akan dibawa ke bulan-bulan seterusnya. Walau bagaimanapun, sebarang baki kredit yang tidak digunakan sepenuhnya pada akhir tempoh program iaitu 31 Disember 2025 akan digunakan bagi program perlindungan sosial lain pada tahun berikutnya.

17. S: Adakah kredit Penghargaan SARA mempunyai tarikh luput?

J: Ya. Tempoh sah laku atau tarikh luput kredit Penghargaan SARA adalah pada 31 Disember 2025.

18. S: Sekiranya penerima Penghargaan SARA sedang berada dalam penjara / pusat serenti / reman penjara / institusi jagaan Kerajaan yang lain ATAU sedang sakit / uzur / OKU ATAU meninggal dunia, bolehkah wakil menerima SARA berkenaan?

J: Tidak. Penghargaan SARA adalah khusus kepada individu berkenaan. Pembayaran di kaunter adalah menggunakan MyKad penerima. Sebarang pembelian yang dibuat oleh individu selain penerima adalah di bawah tanggungjawab penerima itu sendiri.

19. S: Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya MyKad saya rosak / hilang?

J: Sila hubungi Talian Bantuan MyKasih atau kemukakan e-mel kepada sara@treasury.gov.my. Proses selanjutnya akan dibuat dengan agensi Kerajaan berkaitan bagi tujuan pengesahan. Pengecualian pembelian secara manual akan diberikan hanya bagi satu transaksi pembelian. Pembelian seterusnya hanya boleh dibuat menggunakan MyKad baharu anda.

20. S: Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program Penghargaan SARA?

J: Maklumat lanjut berkenaan Penghargaan SARA boleh didapati di:
i. Portal Rasmi MyKasih, <https://www.mykasih.com.my>; atau
ii. Hubungi Talian Bantuan MyKasih 03-7720 1800

21. S: Saya mempunyai pasar raya / kedai runcit dan berminat untuk menjadi rakan niaga bagi program SARA 2025. Siapakah yang perlu saya rujuk bagi tujuan tersebut?

J: Anda boleh berurusan atau menghubungi pihak Yayasan MyKasih melalui emel, merchant@mykasih.com untuk penerangan lanjut. Pemilihan rakan niaga adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Yayasan MyKasih.

22. S: Berapa lama tempoh masa diambil untuk permohonan menjadi Rakan Niaga SARA diluluskan?

J: Setelah permohonan bersama dokumen lengkap diterima oleh pihak Yayasan MyKasih, tempoh masa selama 2 minggu diperlukan untuk permohonan berkenaan diluluskan tertakluk kepada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

MEMORANDUM